

## Unsur Minangkabau dalam Pakaian Cara Melayu

SITI ZAINON ISMAIL

### ABSTRAK

*Esei ini cuba mengupas kesan dan pengaruh Minangkabau dalam cara berpakaian di Tanah Semenanjung khususnya di Negeri Sembilan. Tinjauan dibuat berdasarkan fakta dan hubungan sejarah yang telah terjalin sejak abad ke-13 dan makin jelas pada abad ke-17. Tumpuan analisis adalah terhadap kesan Adat Perpatih yang bertembung dengan budaya tempatan yang telah diwarisi sejak zaman kerajaan Melayu Melaka, hingga berlakunya sistem persemendaan di Negeri Sembilan. Dalam pakaian cara Melayu, contoh utama yang disorot ialah pakaian pemimpin adat (Penghulu, Orang besar) dan 'Bunda Kandung' yang terserap dalam pakaian adat istiadat perkahwinan sebagai harta pusaka warisan.*

### ABSTRACT

*This essay seeks to examine some influences from the Minangkabau tradition on the Malays of the Malay Peninsular with regard to the manner of dress. The examination is based on the historical account of the linkage between the two communities since the 13th century which then became more obvious in the 17th century. The study is confined particularly to the consequences of the meeting of the two sub-cultures of the Malay World, one originated from the Melaka Empire and the other from West Sumatera. The dresses which have been selected for examination are that worn by their community leaders (Penghulu, Chiefs) and the 'Bunda Kandung' dress which has been integrated into the Malay Wedding dress.*

### LATAR SEJARAH DAN BUDAYA

Hubungan orang-orang Minangkabau dengan Tanah Semenanjung dikatakan berlangsung sejak abad ke-13, dan makin berkembang pada abad ke 16.

Indera and Kampar, two east coast Sumatera Kingdoms which controlled access to the rich pepper and gold of the Minangkabau interior, became Melaka's vassals.

(Andaya 1982: 50)

Walau bagaimanapun campur tangan kuasa Minangkabau yang terserlah ialah apabila membantu Raja Kecil Siak menyerang dan menakluk Johor (1718-1722), memperisterikan Tengku Kamariah adinda Sultan Sulaiman, (Buyong 1977; *Salasilah Melayu dan Bugis*: 42; *Tuhfat al-Nafis*: 13).

Alex Hamilton yang mengunjungi Melaka-Johor sekitar tahun 1700-an menyebut tentang kegiatan orang Hulu (di Hulu) keturunan Minangkabau bersama menyerang orang-orang Belanda di Melaka (Rasyid, 1970: 16). Nama Negeri Sembilan tidak disebut oleh Johan Neuihoff (1988) yang melakukan perjalanan ke Asia pada tahun 1653-1670. Sebaliknya dia menyebut tentang kehebatan kekuasaan dan pahlawan Johor Kerajaan Melayu Johor-Riau (KMJ-R) yang menyerang Melaka dengan 60,000 orang bala tentera pada tahun 1606. Ini bererti Negeri Sembilan hari ini merupakan sebahagian dari wilayah KMJ-R yang diwarisi kekuasaan Kerajaan Melayu Melaka (KMM).

Kedatangan orang-orang Minangkabau dibuktikan dengan penemuan artifak seperti batu bersurat di Sungai Udang, Linggi; di Pengkalan Kempas (batu kemudi/batu sudu). Beberapa inskripsi yang dilakar pada permukaan batu membuktikan telah terjadi perhubungan budaya. Mengikut Andaya (1982) kedatangan orang-orang Minangkabau bermula sejak akhir abad ke-13 tetapi makin meluas menjelang abad ke-16. Mereka menempati Naning, Sungai Ujong dan Rembau. Andaya menulis (1982: 71),

Their leaders requested and received a representative from their spiritual Minangkabau overlord at Pagarrayung in the Mountains of Central Sumatra to rule the three settlement as an entity.

Kedatangan atau penghijrahan orang-orang Minangkabau dipercayai masuk melalui beberapa buah sungai seperti Sungai Udang, membuka luak-luak di Rembau, Sungai Ujung, Muar menuju Melaka tiba di Naning dan seterusnya menetap di Kuala Pilah. Yang tiba di Kelang (*Kolang*) menetap di Baranang, Kajang dan Gombak. Walau bagaimanapun, hanya yang menetap di Negeri Sembilan sahaja meneruskan tradisi sistem suku sebagai kesinambungan budaya adat Perpatih. Istilah 'Negeri Sembilan' pula diragukan tentang keluasan wilayahnya sehingga wujud persekutuan negeri-negeri pada tahun 1773 yang terdiri daripada Sungai Ujung, Jelebu, Johol, Rembau, Jelas/Inas, Kelang, Naning, Segamat, Pasir Besar dan Ulu Pahang. Tetapi pada tahun 1789 Belanda mengambil Naning, Bugis mengambil Selangor dan Segamat di bawah Penghulu Jempol diambil Johor dan Ulu Pahang di bawah Penghulu Kenaboi Pahang. Sehingga tahun 1895, Negeri Sembilan terdiri daripada Sungai Ujung, Jelebu, Johol/Inas, Tampin, Ulu Muar, Jempul, Teraci dan Bunung Pasir (Tan Ding 1975: 109).

Berdasarkan pembahagian wilayah Negeri Sembilan ini juga kita dapat mengesan kesinambungan adat Perpatih ataupun perkembangan pola pakaian cara Melayu (PCM). Negeri Sembilan mempertahankan adat Perpatih melalui sistem perlantikan Penghulu dan berusaha mengekalkan pemakaian warna-warna tradisi: hitam Penghulu, Datuk Undang dan merah untuk anak buah (Temubual dengan Datuk Undang Datuk Ujang, Tampin, 20 Oktober 1988).

Hal utama yang harus disedari tentang budaya Negeri Sembilan ialah adanya gabungan beberapa unsur sehingga membentuk ciri khas Negeri Sembilan terutama daripada kesinambungan unsur budaya. KMM yang telah lama bertapak, bertembung dengan cara hidup masyarakat yang masih kukuh mengekalkan adat resam. Adanya penduduk awal iaitu orang Asli yang bercampur atau berkahwin (bersemenda) dengan orang-orang besar Melaka mewujudkan sistem gelar 'Waris Negeri' (Biduanda Waris) di kalangan pembesar Negeri Sembilan. Persemendaan Melayu Minangkabau dengan Biduanda Waris (Jakun di Jelebu) merupakan detik awal, '*orang Minangkabau mula mempengaruhi cara hidup orang Biduanda Waris (Jakun) di Jelebu*' (Buyong 1982: 12).

Walaupun dengan perlantikan pembesar dari Pagaruyung telah mengenalkan sistem Adat Perpatih tetapi tidak bermakna pakaian (adat) Negeri Sembilan merupakan cerminan langsung daripada budaya Minangkabau. Tetapi yang wujud sekarang ialah pertembungan Adat Perpatih sebagai unsur Minangkabau yang utama dalam upacara kebudayaan, berbaur dengan unsur pakaian yang memperlihatkan penyatuan dan kelangsungan KMM dan KMJ-R.

Keadaan politik dan perubahan kepimpinan di Negeri Sembilan iaitu dalam peristiwa perlantikan 'Penghulu Berempat' memilih bakal raja dari Pagaruyung, merupakan peristiwa yang tersendiri. Sehingga dalam sistem pemilihan ketua adat telah wujud penyatuan unsur PCM yang memperlihatkan ciri Negeri Sembilan. Walaupun Barbara dan Andaya menyatakan, '*... the Minangkabau settlements of the Malay Peninsular retained strong cultural links with their homeland in Sumatra*' (1982: 95), tetapi hanya di Negeri Sembilan yang meneruskan tradisi perlantikan Penghulu mengikut Adat Perpatih. Ini terlihat dalam sistem suku<sup>1</sup> 'Tanah Datar' (dari Luhak Tanah Datar), 'Batu Belang' (dari Nagari Batubalang), Mungka, Tiga Batu, Seri Melenggang, Seri Lemak (Sari Lamak). Di Negeri Sembilan telah terdapat suku yang mengambil nama (suku) dari tempat asal mereka. Hal ini dapat dijawab, bahawa kumpulan yang datang berasal dari wilayah darat iaitu daerah asal orang Minangkabau di *Luhak nan Tiga*: Pagaruyung, Tanah Datar; Lima Puluh Kota; Payakumbuh; dan Agam, Bukit Tinggi. Pendatang-pendatang dari daerah (darat) asal ini merantau dan membuka 'rantau' baru sama ada di pesisir Sumatera Barat ataupun ke Semenanjung Tanah Melayu. Di daerah baru ini mereka cuba meneruskan tradisi adat isitadat

khususnya dalam sistem kemasyarakatan atau kekerabatan. Di Minangkabau wujud dua laras (suku) utama iaitu *Bodi Caniago* yang diwakili oleh Datuk Perpatih, dan laras *Kota Piliang* diwakili oleh Datuk Ketemenggungan.<sup>2</sup>

Datuk Perpatih dikatakan pimpinannya bersifat demokratis dan Datuk Ketemenggungan menjurus kepada agama bersifat autokratis. Melalui pepatah disebut, '*... Koto Piling jatuh ke agama, siapa membunuh – siapa dibunuh, Bodi Caniago jatuh ke adat, hilang dicari, lapuk diganti*'. Josslein de Jong (1986) menyatakan, '*budaya dan adat Minangkabau menggabungkan konsep matrilineal dalam soal sosio-politik yang merangkumi adat istiadat dan patrilineal dalam hal keagamaan*'. Dua laras ini berkembang di Semenanjung iaitu dengan sistem Temenggung dari jalur keturunan beraja dan Adat Perpatih yang menghormati 'Penghulu Adat' mempunyai kuasa menentukan perlantikan raja.

#### ADAT ISTIADAT DAN KONSEP PERSALINAN PCM

Di Negeri Sembilan perlantikan penghulu masih mewarisi tradisi Datuk Perpatih, sehingga yang ditampilkan ialah perlembagaan adat melalui peristiwa perlantikan itu. Apabila dikaitkan dengan unsur Minangkabau dalam PCM mahu tidak mahu harus juga merujuk kepada tradisi awal Minangkabau yang menyatukan ciri-ciri KMM dan KMJ-R melalui konsep persalinan.

Tradisi perlantikan raja atau di Negeri Sembilan disebut Yam Tuan harus mendapat persetujuan dari ke empat-empat penghulu yang menyampaikan surat ke Pagaruyung iaitu sejak bermulanya campurtangan Bugis dalam KMJ-R. di Pagaruyung Yam Tuan dipilih dari laras *Kota Piliang*. Yam Tuan Pertama ialah Raja Melewar (1773–1795) diikuti dengan Raja Adil (1795–1798), Raja Hitam (1798–1809), Raja Lenggang Laut (1809–1824). Umumnya Yam Tuan berkahwin dengan anak-anak Penghulu. Raja Melewar berkahwin dengan anak perempuan Penghulu Ulu Muar, Raja Adil dengan anak perempuan Penghulu Jelebu dan dengan seorang Encik dari Tampin. Raja Hitam berkahwin dengan puteri Raja Adil dan putera-putera Lenggang Laut berkahwin dengan anak-anak perempuan Penghulu Seri Menanti dan Raja Muda Jelebu. Peristiwa perkahwinan dari 'darah sekeluarga' ini telah meramalkan keturunan dan sejak Yam Tuan Lenggang Laut, tidak diteruskan lagi acara menghadap ke Pagaruyung. Walau bagaimanapun kuasa perlantikan masih kekal di tangan Penghulu Undang Yang Empat dan Yam Tuan dianggap 'Raja tidak bernegeri'. Dalam pemerintahan Tengku Besar Muhammad (1888–1933) bermula gelaran istimewa bagi Undang Yang Empat iaitu Dato' Kelana Putera Dato' Bandar Sungai Ujung (dulu Dato' Kelana Sungai Ujung), Dato' Mendika Menteri Akhir

Zaman Sultan Jelebu (Undang Jelebu), Dato' Pahlawan Lela Perkasa Setiawan Johol (Undang Johol) dan Dato' Setia Raja Rembau (Undang Rembau). Sungguhpun begitu Yam Tuan Besar (kemudian menjadi Yang Dipertuan Besar) tetap mempunyai kewibawaan terutama kalau merujuk kepada perbilangan (tambo) Minangkabau, '*Alam nan beraja/ Negeri nan berpenghulu/Suku bertua/Anak buah berbuapak*'. (Tan Ding: 110-112; M. Rasyid Manggis Dt. Radjo Panghoeloe 1970: 81-85).

Dalam perbezaan konsep persalinan, KMM dan KMJ-R bertitik-tolak daripada istiadat pakaian kerajaan yang dipakai dalam adat pertabalan, atau perkahwinan sebagai lambang kebesaran kerajaan, sedangkan Minangkabau meletakkan kedudukan Penghulu sebagai 'pemimpin adat' sebagai, '*orang yang dituakan, orang besar dalam kaumnya*' (Erman 1981: 5).

Di samping pemimpin adat di tangan Penghulu, peranan Bunda Kandung sebagai ketua 'Rumah Gadang' juga tidak dapat diabaikan. Dua ciri utama ini memperlihatkan unsur-unsur pakaian yang berterusan digunakan di Negeri Sembilan dan menjadi dasar adat. Baik dalam upacara perlantikan Penghulu-Datuk Undang, seterusnya upacara menyembah Yang Dipertuan Besar dalam acara pertabatan dan menjunjung duli,<sup>3</sup> istiadat penghulu menghadap (luak Tanah Mengandung) mahupun adat persandingan maka lambang kelengkapan seperti persediaan Adat Perpatih iaitu 'adat nan diadatkan',<sup>4</sup> masih kekal.

## PAKAIAN ADAT PENGHULU

Kewibawaan penghulu sebagai pemimpin adalah kerana ilmunya, kerana kebijaksanaan, keturunan baik-baik, adil, tulus, pemurah, sabar dan kaya. Mengikut H. Idrus Hakimy perilaku adat, *terlebih dahulu dimufakatkan. Inilah ciri-ciri khas dari demokrasi di Minangkabau ... segala sesuatu bukan dari perintah dari pimpinan atau pemimpin, tetapi kehendak daripada anak, kemenakan, kemahuan daripada rakyat.*' (H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu 1984: 6-7) Ketua pemimpin adat itu terdiri daripada nenekmamak/penghulu-penghulu. Walau bagaimanapun, simbol pemimpin ialah Pusat Kerajaan di Pagaruyung, tempat bersemayam Raja Alam Minangkabau. Rusli pula menjelaskan pemimpin, '*sebagai alat pemerintah di nagari disebut "urang nan ampek janih" (orang yang empat jenis) terdiri dari penghulu sendiri dan pembantunya yakni malim, labai atau ulamo (ulamak) yang berpakaian, "manti" (menteri) dengan warna ungu dan akhirnya dulubalang (hulubalang) berwarna merah.*' (Rusli Amran 1981: 66). Tradisi warna seperti yang diamalkan di Minangkabau tidak begitu jelas amalannya di Negeri Sembilan. Dalam peristiwa 'Menjunjung Duli' sempena hari jadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (16 Julai 1988) semua Datuk Penghulu dan Datuk Lembaga (Tanah Mengandung) memakai PCM: baju, seluar, samping,

tengkolok. Kelapan-lapan Datuk Penghulu dari Luak Ulu Muar, Teraci, Inas, Gunung Pasir, Gemencheh, dan Luak Air Kuning memakai baju Melayu, seluar warna biru, dan kain samping songket merah dan Datuk Lembaga berbaju ungu dan bersamping songket merah. Kalau dibandingkan dengan makna warna seperti yang diamalkan di Minangkabau, ini bererti taraf Datuk Lembaga (Negeri Sembilan) sama dengan "menteri" (Minangkabau). Dan samping berwarna merah dapat diertikan sebagai semangat pahlawan (dulubalang Minangkabau).

Pakaian Penghulu dilambangkan dengan baju, seluar (Min-Sarawa), samping (Min - *sisamping*) ikat pinggang (Min - *cawek*), ikat kepala. Pola seluar Minangkabau dikenali juga sebagai seluar '(potong) Acheh' (*Hikayat Anggan Cik Tanggal*: 24), seluar gembong atau 'tapak itik'; dipakai oleh penghulu adat, ahli pencak silat ataupun pahlawan. Tradisi pakaian selengkap pakaian Minangkabau tidak begitu menonjol di Negeri Sembilan. Sebaliknya konsep persalinan PCM terlihat seperti pola baju Melayu-Johor dengan leher 'bulan-bulan' berkancing satu dan cara ikat samping, kain di luar. Johan Nieuwhof (1988: 181) menjelaskan,

there are shaped like our shirts, with side sleeves, are open before, and reach, only to their knees. They have also two silken strings of the same colour with the jacket, one serves for girdle, the other for a head string.

Tradisi berpakaian begini, dalam upacara adat di Negeri Sembilan disebut sebagai pakaian Orang Besar Datuk Undang, Lembaga Yang Lapan, Yang Dua Belas sebagai lambang daripada PCM yang mewarisi konsep persalinan. Daripada bahan etnografis (kol. Muzium Negeri Sembilan) pola baju Melayu Teluk Belanga telah diterima sebagai ciri khas pakaian tradisi Negeri Sembilan yang dipakai oleh Datuk Undang. Bahan pakaian terdiri daripada kain songket Terengganu dan tenun (corak) Bugis. Manakala daripada sumber bahan etnografis ('Istiadat Menjunjung Duli' 1908), telah menggunakan baju kurung cekak musang berbutang lima.

Tetapi tradisi ikat kepala dengan *saluak batimbo* atau *bakaruit* tidak wujud di Negeri Sembilan. Sebaliknya di kalangan istana atau Yang Dipertuan Besar telah diperkenalkan dengan destar 'dendam tak sudah'.<sup>5</sup> Istilah destar disebut dalam *Hikayat Seri Rama*, sebagai lambang kegagahan raja melalui gaya dan lipat desta, *tengkolok pembulang hulu pelangi/bersalar alir rembang tengah "dendam tak sudah"/satu pancanya tidak dilipat* (Mohd. Yusof 1985: 165).

#### PAKAIAN ADAT BUNDA KANDUNG

Tradisi Bunda Kandung dipercayai bermula daripada sistem awal pemerintahan Kerajaan Minangkabau di Pagaruyung. Bunda Kandung

atau Dara Jingga ialah kekanda kepada Aditywarman, cucu Datuk Perpatih nan sebatang. Dalam ekspedisi Kertanegara ke Minangkabau (1275) mereka tiga bersaudara (termasuk Dara Petak yang berkahwin dengan Raden Wijaya) dibawa ke Singasari. Tetapi mereka kembali ke Minangkabau. Dara Jingga berkahwin dengan Maha Menteri Adwaryawarman dan Aditywarman menjadi raja di Jambi dan Pagaruyung. Ketika Aditywarman berangkat ke Jambi menjadi raja di sana, *'naiklah Bunda Kandung sebagai Ratu alam Minangkabau menggantikan anakandanya Dang Tunku dewasa beserta Cindur Matanya yang terkenal'* (Dada Meuraxa 1974: 373-375). Tetapi dari tambo Minangkabau, Bunda Kandung ialah ibu Dang Tuanku (Aditywarman) dan Cindur Mata (Perpatih). Mengikut tafsiran A.A. Navis, ketika Dara Jingga ke Majapahit ia berkahwin dengan Raden Wijaya yang juga telah memperisterikan Dara Petak. Dara Jingga melahirkan Aditywarman. Di Minangkabau ia berkahwin dengan Wiswarupakumara yang mendampingi Sri Maharaja Diraja dan melahirkan Tu(h)an dan Dewa Perpatih. Kedua saudara (ibu) inilah juga dikenali sebagai Datuk Katamangungan dan Perpatih Nan Sebatang. Walau bagaimanapun Navis juga menjelaskan bahawa Dara jingga diperisteri kerabat istana Majapahit yang tidak diketahui namanya tetapi telah dihamili oleh Raden Wijaya (A.A. Navis 1984: 12-13). Mengikut Meuraxa, sebagai Bunda Kandung, *'tidak seorangpun yang berani melintasi bayang-bayangnnya saja, orang itu bisa sakit dan mati.'*

Dalam adat Minangkabau, Bunda Kandung merupakan simbol (ibu kepada dua orang Datuk), mengepalai upacara meminang, membawa cerana dan pemberi kata putus. Dalam pakaian, Bunda Kandung disimbolkan dengan ikat kepala 'tengkolok gonjong' iaitu bumbung 'rumah gadang' atau rumah adat.

Mengikut Adat Perpatih di Minangkabau semua harta waris termasuk pakaian adalah hasil turun temurun yang dijaga oleh Bunda Kandung (A.A. Navis 1984; Muzium Aditywarman 1987). Bunda Kandung (sejak gadis) telah menghasilkan tenunan yang akan dipakai oleh Penghulu dalam upacara adat. Di Minangkabau, simbol Bunda Kandung dapat dilihat daripada cara ikat kepala wanita iaitu tengkolok tanduk atau gonjong. Walaupun unsur pakaian ini (simbol Bunda Kandung) tidak menjadi syarat penting dalam acara adat istiadat (pemakaian tengkuluk tanduk sebagai pakaian pengantin mula terkenal pada awal abad ke 20; Azah Aziz 1989) tetapi imej Bunda Kandung lebih ketara dalam sistem kekerabatan, yang meletakkan wanita sebagai lambang kelangsungan waris. Di Negeri Sembilan sebagai penghubung saudara ibu ialah melalui sistem *semände* iaitu kekuasaan di tangan mamak saudara pertama sebelah ibu; kelompok *semände* disebut 'seperut, hingga lima keturunan. Dari kelompok seperut ini hidup berkampung dan melantik penghulu daripada mamak sebagai penghulu

adat. Dari sini wujudnya istilah suku yang mempunyai ketua dan kampung menjadi negeri (luak, paling sedikit mempunyai empat suku). Ketua suku (Lembaga) dipilih daripada Buapak iaitu ketua bagi perut-perut dalam sesuatu suku; ketua luak/'Tanah Mengandung' (Undang di bawah kuasa Yang Dipertuan) pilih daripada suku-suku waris sesuatu luak mengikut giliran (Nordin Selat 1976: 70-71).

Melalui sistem ini Bunda kandung (saudara wanita tertua) adalah lambang bagi melicinkan perjalanan adat, ia adalah saudara mamak/penghulu atau ketua adat juga sebagai 'harta suku', dihormati oleh seluruh suku. Di Negeri Sembilan istilah ini disebut, sebagai 'Ibu Tua' di mana harta pusaka (tanah ketua adat) jatuh kepada ibu; memberi kata putus (Dato' Bendahara Rembau, 1988). Di Minangkabau, Bunda Kandung mendapat julukan *limpapeh rumah nan gadang* bertanggung jawab dalam menguasai harta pusaka kaum termasuk pakaian dan kelengkapan adat yang disimpan dan digunakan turun temurun. 'Harta itu adalah hak saudara perempuan... *'seandainya saudara(nya) yang perempuan tidak ada, hak warisan ita akan diberikannya kepada saudara sepupunya'* (A.A. Navis: 162).

Di Negeri Sembilan, lambang Bunda Kandung dalam pakaian diaplikasikan melalui tengkolok tanduk<sup>6</sup> tetapi penerapan hiasan bunga suntung lebih awal diterima sebagai hiasan kepada dalam pakaian pengantin. Segala peralatan hiasan pengantin ini adalah harta pusaka warisan yang disimpan oleh Ibu Tua yang juga bertindak sebagai mak andam.

Kesinambungan unsur Minangkabau di Negeri Sembilan dapat dilihat dalam dua bentuk iaitu melalui pakaian pengantin perempuan (imej Bunda Kandung) dan pakaian lelaki (Datuk Lembaga/Penghulu). Dalam pakaian pengantin perempuan, baju kurung (Min - baju panjang) masih meneruskan unsur Minangkabau dengan menggunakan bahan kain baldu (merah, biru tua) berhias kepingan logam bunga tabur dan lapisan renda di sekeliling pergelangan tangan dan lilitan bawah baju. Walau bagaimanapun, ciri khas Negeri Sembilan memperlihatkan unsur tempatan dengan menggunakan bahan songket bunga tabur kain sarung ikat kembang (kiri kanan, Min-ikat tindih papan), dan kepala berhias suntung. Tetapi kesinambungan pemakaian tengkolok sebagai pakaian adat (termasuk persembahan kebudayaan) telah mendapat perhatian (*Busananika* 1983; *Pesta Seni Rakyat ASEAN* 1990). Kesinambungan pemakaian lapik dada (Min Pesisir) juga merupakan unsur penting dalam PCM di Negeri Sembilan sebagai warisan dari WBM Seriwijaya (berlangsung dalam pakaian Palembang-Jambi dan Melaka).



## KESIMPULAN

Unsur Minangkabau dalam pakaian lelaki tidak berapa ketara. Pola baju Melayu dengan gaya Johor lama masih berkesinambungan. Ini bererti baju gadang penghulu Minang dengan menggunakan bahan baldu dan sulaman renda tidak berkembang di kalangan penduduk tempatan. Sebaliknya memperlihatkan ragam unsur WBM Palembang-Jambi dan Aceh. Daripada catatan T.J. Newbold dalam tahun 1883 (1971: 109) menyatakan Datuk Muda Linggi memakai baju merah, berlapis dada, ikat kepala batik, berseluar sulam di kaki dan berkain (samping) sutera. Istilah *sarawa* Aceh, 'tapak itik' yang terkenal di Minangkabau juga tidak disebut tetapi dinyatakan sebagai seluar potong Cina. *Saluak batimbo* dan *deta bakaruit* tidak disebut sebagai pakaian adat Negeri Sembilan. Persamaan unsur dapat ditinjau melalui simbol warna pakaian (hitam dan merah.). Mengikut Datuk Undang Dato' Ujang (1987), tiga warna<sup>7</sup> telah diangkat sebagai simbol pembesar dan rakyat iaitu hitam yang dipakai oleh Datuk Lembaga; merah dipakai oleh Penghulu, dan kuning pakaian Yang Dipertuan Besar. Hitam melambangkan kewibawaan, berilmu dan dihormati; merah melambangkan jiwa rakyat atau dekat dengan rakyat dan kuning simbol darjat raja. Dengan ini, konsep PCM tetap menjadi dasar pakaian walaupun unsur Minangkabau khususnya sistem adat Perpatih telah diterima sebagai asas pemikiran kehidupan budaya Negeri Sembilan.

## NOTA

1. Sistem suku merupakan kelangsungan daripada Adat Perpatih yang berkembang di Negeri Sembilan. Nama suku diangkat daripada nama tempat asal mereka (nama suku ini tidak sama dengan suku asal di Minangkabau) seperti suku .... tempatan iaitu Biduanda (penyemendaan orang Melaka dengan orang (suku) Asli. Keturunan suku inilah yang menjawab 'waris menyalin' atau 'pusaka gelar' yang mengwujudkan 'Dato-Dato' Undang Luak Yang Empat' (Sungai Ujung, Jelebu, Rembau, Johor) yang mewarisi 'Pusaka Undang'; diketahui oleh 'Penghulu Pucuk/Undang'. Daripada fakta sejarah sehingga abad ke-16, Penghulu Undang menerima anugerah cap mohor dari KMJ-R, Undang Yang Empat telah merujuk ke Pagaruyung untuk mendapatkan ketua dari raja yang tiada bernegeri. Peristiwa merujuk ke Pagaruyung dihentikan pada tahun 1824, apabila keturunan raja telah cukup besar dan berkembang (Tan Ding, 1987: 109-110).
2. Mengikut Zainal Keling, walaupun kedua-dua adat ini (Temenggung dan Perpatih) berasal dari Minangkabau (dua beradik daripada ibu yang sama) tetapi di Semenanjung Perpatih berkembang di Negeri Sembilan kecuali kawasan pantai dan Nanning dan Temenggung di luar wilayah ini. Daripada sumber asal, Adat Perpatih berkembang di pendalaman (darat) dan Adat Temenggung mempunyai alam sekitar pesisir pantai. Perbezaan yang ketara, 'terletak pada sekitar

*penggunaan masing-masing dan beberapa ciri perundangannya ... perundangan Adat Temenggung lebih bersifat "ganti darah" dan Adat Perpatih "ganti kerabat". (Lih. Kertaskerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatuh wilayah Budaya Negeri Sembilan, Universiti Pertanian Malaysia, (Mei 1984: 1-29).*

3. Istiadat 'menjunjung duli' pertama kali diadakan pada tahun 1890 iaitu ketika dilakukan perjanjian antara Yamtuan Seri Menanti, Tuanku Muhammad Syah ibn Al Marhum Yamtuan Antah dengan Datuk-Datuk Undang dan Lembaga. Sejak dari tarikh tersebut, Tuanku Muhammad Syah diangkat menjadi Raja dengan gelaran Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam peristiwa itu istiadat dimulakan dengan sembah taat setia daripada Datuk Undang Yang Empat. Diikuti oleh Datuk Bentara Kanan menyeru Datuk Syahbandar Sungai Ujung menghadap terus diikuti oleh Datuk Kanan menyeru Datuk-Datuk Penghulu (Noraini Ismail, 21 Julai 1988:6).

4. Dalam 'alam pemikiran adat Minangkabau, adat sebagai perlakuan meliputi 'adat yang teradat, adat istiadat, adat nan diadat dan adat sebenar adat'. Keempat-empatnya saling berkaitan terutama sekali tentang 'adat istiadat' dan 'adat nan diadat'. Tradisi ini terlihat dalam adat istiadat perkahwinan, melantik penghulu, memberi gelar, khelat dan khatan. (Seterusnya lih. H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu 1984: 1-18). Errington menegaskan '*Adaik defines the nature of Minangkabau community life by providing a conceptual foundation for all discussion about behaviour*'. Frederick K. Errington, 1984 :83)

5. Lipat tengkolok ini mula dipakai oleh Yang Dipertuan Besar Almarhum Tengku Abdul Rahman Tuanku Muhammad ketika baginda ditabal sebagai Yang Dipertuan Agung Tanah Melayu I (1957). Tetapi ikatan ini lebih awal telah diperkenalkan pada tahun 1885 dalam pemerintahan Almarhum Tuanku Muhammad Syah ibni Almarhum Tuanku Antah, Yamtuan Negeri Sembilan. Ikatan tengkolok ini telah dicipta oleh Mangku Nahu iaitu seorang pegawai istana Besar Seri menanti (kol. Muzium Negara).

6. Tengkolok ikat kepala yang dipakai oleh wanita di daerah pendalaman Minangkabau. Termasuk dalam pakaian asas yang belum dipengaruhi oleh unsur luar terutama apabila ditinjau dari sudut penggunaan bahan asasnya (kain tenunan, songket tempatan). Pengertian tengkolok selalu dihubungkan dengan wanita, lambang Bunda Kandung. Setiap luhak mempunyai rekabentuk yang tersendiri berdasarkan ikatannya; dan dipakai oleh anak Daro (pengantin perempuan). *Tengkuluk Tanduk Balapak* yang menggunakan kain songket penuh terkenal di luhak Tanah Datar (Batipun Sepuluh Kota, Padang Panjang dan Batu Sangkar); *Tengkuluk Tanduk Kompong* dengan hujung tanduknya datar terkenal di luhak Lmapuluh Kota (Kota nan Gadang-Payakumbuh; *Tengkuluk Sarung Sapik Undang* (istilah diambil dari bahan kain yang digunakan, tenun *sapik udang*), terkenal di Padang Magek - Batu Sangkar. (Lih, *Proyek Pengembangan Permuseum Sumatera Barat* (1984/1985). Hiasan kepala pengantin di rantau pesisir seperti Padang, Pariaman, mula menggunakan perhiasan sunting daripada bahan kuningan, emas yang dipengaruhi oleh unsur-unsur luar setelah pertembungan dengan China dan India.

7. Tiga warna dasar ini telah diterapkan dalam bendera Negeri Sembilan. Kuning sebagai simbol Yang Dipertuan Besar, hitam simbol Datuk Lembaga/

Penghulu dan merah simbol kerakyatan. (Temuramah dengan Dato' Sutan Bendahara, Rembau, 19 Julai 1988). Di Minangkabau, warna kuning tidak disebut dalam pakaian adat (kecuali kuning dari benang emas) tetapi menyebut warna putih sebagai warna pakaian malim dan lebai. Di Negeri Sembilan warna kuning dapat diterima sebagai warisan dari KMM, mula dipakai oleh Yang Dipertuan Besar I. Contoh dari bahan etnografis memperlihatkan baju Melayu songket kuning, leher cekak musang berbutang lima pernah digunakan oleh Tengku Muda Chi, putera yang Tuan Ulin, Imam dan menantu kepada Yang Dipertuan Besar Ke-V (1861-1896).

## RUJUKAN

- A.A Navis. 1984. *Alam Tekembang Jadi Guru*. Jakarta: PT Grafiti.
- Andaya, Barbara dan Leonard, Y. 1982. *A History of Malaysia*. London : The Macmillan Press.
- Azah Aziz. 1989. Seni Pakaian Melayu di Semenanjung Malaysia. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu ke II, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Kuala Lumpur, 15-20 Ogos.
- Buyung Adil. 1982. Sejarah Negeri Sembilan, K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- de Jong, Josselein. 1964. "The characters of Malay Annals". *Malayan and Indonesia Studies*. London : Oxford Universiti.
- Errington. F.K. 1984. *Manners and Meaning in West Sumatra*. New Haven: Yale Universiti Press.
- H. Idrus Hakimy Dt. Raja Penghulu. 1984. *Pokok-pokok Pengetahuan Adat dan Alam Minangkabau*. Bandung Remaja Karya.
- Mohd. Yusof Md. Nor dan Rahman Kaeh (peny.) 1985. *Puisi Melayu Tradisi*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- M. Rasyid Manggis Dt Radjo Panghoeloe. 1970. *Negeri Hubungan dengan Minangkabau*. Padang Panjang: al Maktab al Sakdiah.
- Meuraxa, Dada. 1974. *Sejarah Kebudayaan Sumatera*. Jakarta: Hasmar.
- New Bold, T.J. 1971. *British Settlement in Disrict of Malacca*. Singapore: Oxford in ASIA.
- Noraini Ismail. 1968. Istiadar Menjunjung Dulu. *Berita Harian*, 21 Julai.
- Nieuhof, Johan. 1988. *Vosages and Travels to the East Indies, 1653-1670*. Singapore: Oxford University press.
- Nordin Selat. 1970. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Rusli Amran. 1981. *Sumatera Barat Hingga Plakat Panjang*. Jakarta: Sinaran Harapan.
- Tan Ding. 1975. *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Petaling Jaya.

Jabatan Persuratan Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM, Bangi  
Selangor D.E.